

PRIME B1 TABLET

Vitamin B1 (100mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Prime B1
2. Bagaimana Prime B1 berfungsi
3. Sebelum menggunakan Prime B1
4. Cara menggunakan Prime B1
5. Semasa menggunakan Prime B1
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Prime B1
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Prime B1

Ia digunakan untuk rawatan keadaan kekurangan vitamin B1.

Bagaimana Prime B1 berfungsi

Vitamin B1 diperlukan dalam metabolism karbohidrat. Dalam keadaan kekurangan vitamin B1, asid piruvik dan laktik akan berkumpul dalam tisu badan.

Sebelum menggunakan Prime B1

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Prime B1 jika terdapat alahan kepada sebarang bahan-bahan yang terkandung dalam tablet.

- Sebelum menggunakan Prime B1

Dos banyak mungkin mengganggu metabolism vitamin B yang lain dan menyebabkan simptom keadaan kekurangan lain untuk golongan yang kekurangan nutrisi.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Prime B1

- Berapa banyak harus digunakan

100mg setiap hari atau mengikut arahan doktor. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Prime B1 untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Prime B1

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Prime B1.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi Prime B1 kepada seseapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Dos tinggi tidak disyorkan tanpa nasihat doktor.

Kesan-kesan sampingan

Pada amnya, Prime B1 adalah senang diterima. Walaupun demikian, sila jumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web

npra.moh.gov.my (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

Cara penyimpanan dan pelupusan

Prime B1

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah suhu 25°C. Lindungi daripada cahaya. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet bulat berwarna putih, berskor atas dan dwicembung.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: thiamine mononitrate
- Bahan tidak aktif: cornstarch, lactose monohydrate, polyvinylpyrrolidone dan magnesium stearate

- Nombor MAL

MAL19912106X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.

1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

02/01/2018

Nombor siri

NPRA(R4/1)301117/00333